

14/09/2002

Rakyat diminta ketahui teknologi komposit

BUKIT KAYU HITAM, Jumaat - Teknologi komposit mampu berkembang di Malaysia kerana penggunaannya yang meluas serta tidak hanya tertumpu kepada pembinaan pesawat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting rakyat negara ini dapat mengetahui aplikasi teknologi komposit supaya boleh digunakan dalam bidang selain pembuatan pesawat.

"Ini adalah industri asas komposit dan ia bukan hanya untuk pembuatan pesawat tetapi benda lain seperti bot misalnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd (ACM) di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam di sini, hari ini.

ACM adalah usaha sama antara Sime Darby Berhad, Naluri Berhad dan dua syarikat Amerika Syarikat, Boeing Company dan Hexcel Corporation.

Kilang yang dibina pada 1998, mengeluarkan bahan komposit untuk kegunaan sebahagian pesawat komersial Boeing.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak berhasrat menghasilkan pesawat tetapi berminat mengeluarkan komponen yang lebih canggih dan besar untuk kegunaan pesawat komersial.

Dalam ucapan perasmiannya, Dr Mahathir berkata Malaysia adalah negara yang selamat untuk pelaburan dan mempunyai kerajaan yang `mesra perniagaan'.

Beliau berharap Boeing akan terus melabur di negara ini termasuk dalam pengeluaran komponen pesawat lebih kritikal di Malaysia pada masa depan.